

31 DEC 2003

Bername-Mahathir/I

CETUSAN RASA BERNAMA-MAHATHIR BERJAYA

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Jurutera perisian, Lee Wee Yan, 26, dari Damansara memenangi hadiah pertama penyertaan dalam "Cetusan rasa setulus ikhlas buat Mahathir" anjuran laman web bernama.com, Oktober lepas, sebagai penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Cetusan Lee yang berbunyi: "A true champion is not one that has won many honours on a battlefield, nor one that crushes his enemies through might. A true champion is one that gives his people an identity, a purpose to strive harder and a sense of self-belief. Dr Mahathir, you are a legacy", dipilih sebagai cetusan rasa terbaik.

Lee yang bekerja di Britain, memenangi sebuah komputer riba. Ibu bapanya, Encik dan Puan Lee Kim Teng mewakilinya pada majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Wisma Bernama di sini hari ini.

"Saya kecewa kerana tidak dapat menghadiri majlis khas ini kerana komitmen kerja di UK. Bagaimanapun, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa pemilihan di agensi Berita Nasional Malaysia (Bernama) kerana menganugerahkan hadiah ini kepada saya," katanya.

Hadiah kedua dimenangi Azmi Atan dari Johor. Beliau yang diwakili rakannya, membawa pulang komputer meja manakala Jessie Francis dari Kuala Lumpur yang memenangi tempat ketiga, menerima "personal digital assistant" (PDA).

Pengurus Besar Bernama Datuk Syed Jamil Syed Jaafar menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Idea menganjurkan cetusan rasa itu diilhamkan oleh pengerusi Bernama Datuk Kalimullah Hassan sebagai satu cara Bernama menggalakkan rakyat Malaysia menyuarakan penghargaan dan sanjungan mereka kepada Dr Mahathir. Kalimullah turut menyumbang hadiah untuk pertandingan itu.

Kalimullah akan melepaskan jawatan sebagai pengerusi Bernama hari ini dan beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan dan pengarah eksekutif New Strait Times Press.

Bername.com menerima kira-kira 1,000 penyertaan, termasuk dari luar negeri seperti Australia, Britain, Arab Saudi, Senegal dan Singapura.

Walaupun cetusan rasa ditetapkan tidak melebihi 50 perkataan, ada beberapa penyertaan yang melebihi syarat itu.

Jawatankuasa pemilihan yang diketuai Kalimullah sendiri, turut memilih empat cetusan rasa yang panjang sebagai penghargaan khas.

Cetusan rasa itu boleh dilayari menerusi bernama.com.

Mereka terdiri daripada Datuk Paddy Bowie, rakyat Malaysia yang lahir di Britain, Mohamed Ali Toure, warga Senegal, Pain Muzal dari Sabah dan Wan Hussain Wan Yusoff dari Kedah.

Syed Jamil akan menyerahkan sendiri kompilasi Cetusan Rasa penghargaan itu kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NN ST KHY LAT